جابتن كهاكيمن شرعية نكري جوهر
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM

Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 Jld.2 (02)
Takwim : 10 Syaaban 1447H
Tarikh : 29 Januari 2026

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 1 TAHUN 2026

GARIS PANDUAN SEBUTAN KES JENAYAH SYARIAH DALAM TEMPOH TIDAK MELEBIHI 24 JAM DI BAWAH SEKSYEN 22 ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) 2003

Saya ingin menarik perhatian YA/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor Bil. 3/2025 bertarih 17 Disember 2025 bersamaan 26 Jamadilakhir 1447H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Garis Panduan Sebutan Kes Jenayah Syariah Dalam Tempoh Tidak Melebihi 24 Jam Di Bawah Seksyen 22 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 adalah sebagaimana di Lampiran A.

...2/

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2026.

(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor

Lampiran A

GARIS PANDUAN SEBUTAN KES JENAYAH SYARIAH DALAM TEMPOH TIDAK MELEBIHI 24 JAM DI BAWAH SEKSYEN 22 ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) 2003

1. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini terpakai bagi semua proses pengurusan Sebutan Kes Jenayah Syariah Dalam Tempoh Tidak Melebihi 24 Jam di bawah seksyen 22 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 di seluruh Mahkamah Syariah dalam Negeri Johor.

2. KATEGORI ORANG YANG DISYAKI (OYDS)

Tertakluk pada mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa, kategori OYDS yang kesnya perlu disebut dalam tempoh tidak melebihi tempoh 24 jam adalah seperti mana-mana berikut:

i. Bukan warganegara Malaysia
ii. Warganegara Malaysia yang beralamat atau bermastautin di luar negeri Johor.
iii. Waran Tangkap telah dikeluarkan ke atasnya dalam kes lain dan masih berkuat kuasa.
iv. Berisiko melarikan diri ke luar negara atau luar negeri.
v. Tiada pengenalan diri. Bagi OYDS yang tiada pengenalan diri, penggunaan nombor badan boleh dipertimbangkan dan dibenarkan.
vi. Tidak dapat menyediakan penjamin bagi melepaskan diri melalui bon atau jaminan Ketua Penguatkuasa Agama; atau
vii. Apa-apa kategori lain yang diterima oleh Mahkamah.

3. PENETAPAN MASA DAN KEPERLUAN DOKUMEN

3.1 Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie, Pendaftar Mahkamah dan Hakim Syarie hendaklah mematuhi penetapan masa dan keperluan dokumen-dokumen berikut:

3.1.1 Pegawai Penyiasat hendaklah menyerahkan kepada Pendakwa Syarie sebelum atau pada jam 10.00 pagi hari sebutan dokumen-dokumen berikut;

a. Laporan polis;
b. Dokumen pengenalan diri OYDS (jika ada); dan
c. Borang maklumat diri OYDS.

3.1.2 Pendakwa Syarie hendaklah mendaftarkan kes melalui sistem e-syariah sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari sebutan.

3.1.3 Pendakwa Syarie hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar Mahkamah sebelum atau pada jam 2.00 petang hari sebutan dokumen-dokumen berikut;

a. Surat iringan;
b. Pertuduhan;
c. Dokumen pengenalan diri Orang Kena Tuduh (OKT) (jika ada); dan
d. Borang maklumat diri Orang Kena Tuduh (OKT).

3.1.4 Hakim Syarie mendengar sebutan kes dan memutuskan apa-apa perintah berkaitan sebelum jam 3.00 petang hari sebutan.

3.1.5 Mahkamah atas budi bicara boleh melepaskan tertuduh dengan dua bentuk jaminan iaitu sama ada jaminan tunai atau jaminan nilai mengikut permohonan Pendakwa Syarie.

3.1.6 Sekiranya dilaksanakan jaminan tunai yang memberi kesan penahanan ke penjara ke atas tertuduh jika tertuduh tidak membayar jaminan tersebut pada hari sebutan yang melibatkan hujung minggu, tertuduh perlu ditahan sementara di mana-mana lokap balai polis yang diwartakan dan dibawa ke penjara pada hari bekerja minggu hadapannya dengan segera dibawa ke hadapan Hakim Syarie untuk dibicarakan dan diberikan hukuman.

3.1.7 Pendakwa Syarie dengan kebenaran Ketua Pendakwa Syarie boleh menjalankan prosiding sebutan kes di hadapan Hakim Syarie bicara atau memohon kepada Mahkamah untuk diteruskan dengan perbicaraan selepas semua dokumen lengkap dan teratur. Sekiranya perbicaraan ditetapkan pada hujung minggu yang melibatkan urusan pemenjaraan, Mahkamah hendaklah merekodkan pertuduhan pengakuan tertuduh terlebih dahulu, kemudian Mahkamah boleh menangguhkan bagi keputusan hukuman ke suatu tarikh lain pada hari bekerja dengan kadar yang segera.

4. TANGGUNGJAWAB DAN KAWALAN OYDS/OKT

Pada setiap masa dalam melaksanakan Garis Panduan ini, OYDS/OKT adalah di bawah tanggungjawab dan kawalan Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri Johor.